

CUEPACS minta Dr. M terus terajui kepimpinan

UM 2 MAY 2002
KUALA LUMPUR 1 Mei – Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) meminta Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terus menerajui kepimpinan kerajaan kerana kebijaksanaannya diperlukan untuk terus menjana ekonomi negara.

Presiden CUEPACS, Datuk N. Siva Subramaniam berkata, kemampuan Perdana Menteri membuat dasar-dasar kewangan yang dapat menjamin kestabilan ekonomi dan politik negara memang dikagumi.

“Perdana Menteri amat disanjung sebagai ‘arkitek bangsa’ yang berjaya menyekat penyangak mata wang yang cuba menghancurkan ekonomi negara.

“Beliau seperti nakhoda kapal dan kita sebagai awak-awak tidak akan berganjak dari terus menyokongnya,” katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Hari Pekerja Tahun 2002 bagi Sektor Awam di Institut Tadbiran Awam Negara di sini hari ini.

Katanya, hubungan CUEPACS dengan kerajaan juga semakin rapat hasil pemuafakatan dan sikap toleransi yang diamalkan oleh kerajaan selama ini.